

Sikap Guru Bahasa Melayu dalam Pelaksanaan Pentaksiran Bilik Darjah

(Attitude of Malay Language Teachers in The Implementation of Classroom Assessment)

Kausalya a/p Gopala Pilai^{1*}, Faridah Mydin Kutty²

¹Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), 43600, Bangi, Selangor, Malaysia.

Email: p104943@siswa.ukm.edu.my

²Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), 43600, Bangi, Selangor, Malaysia.

Email: faridah.mydin@ukm.edu.my

CORRESPONDING

AUTHOR (*):

Kausalya a/p Gopala Pilai
(p104943@siswa.ukm.edu.my)

KATA KUNCI:

Pentaksiran bilik darjah
Sikap
Guru
Bahasa Melayu

KEYWORDS:

Classroom assessment
Attitude
Teacher
Malay language

CITATION:

Kausalya Gopala Pilai & Faridah Mydin Kutty. (2022). Sikap Guru Bahasa Melayu dalam Pelaksanaan Pentaksiran Bilik Darjah. *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities (MJSSH)*, 7(5), e001522. <https://doi.org/10.47405/mjssh.v7i5.1522>

ABSTRAK

Pentaksiran bilik darjah merupakan satu proses yang mengukur perkembangan murid secara berterusan. Pentaksiran bilik darjah juga dikatakan sebagai satu pentaksiran yang bersifat holistik, iaitu menilai aspek kognitif, afektif dan psikomotor selaras dengan Kurikulum Standard Sekolah Rendah (KSSR) dan Falsafah Pendidikan Kebangsaan (FPK). Bagi mencapai matlamat KSSR guru memainkan peranan yang penting. Jadi dalam pelaksanaan pentaksiran bilik darjah yang berkesan sikap guru dianggap penting kerana ia membantu meningkatkan pembelajaran murid secara holistik. Oleh itu kajian ini bertujuan untuk meneroka sikap guru Bahasa Melayu dalam pelaksanaan pentaksiran bilik darjah. Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif. Teknik persampelan bertujuan digunakan dengan menggunakan kaedah temu bual semi struktur. Seramai sembilan (9) orang guru yang mengajar Bahasa Melayu di sekolah rendah di Daerah Manjung, Perak dipilih sebagai responden kajian. Protokol temu bual yang digunakan dalam kajian ini berasaskan Teori taksonomi Bloom (Bloom, 1956) (3 dimensi – kognitif, afektif, tingkah laku) dan Model Kurt Lewin untuk meneroka sikap guru Bahasa Melayu dalam pelaksanaan pentaksiran bilik darjah. Data yang diperolehi dianalisis secara manual menggunakan analisis tematik. Hasil kajian menunjukkan bahawa guru-guru Bahasa Melayu mempunyai sikap yang positif dalam pelaksanaan pentaksiran bilik darjah. Keseluruhan kajian menekankan bahawa sikap guru yang positif dapat melahirkan murid yang berkebolehan.

ABSTRACT

Classroom assessment is a process that measures student progress on an ongoing basis. Classroom assessment is also said to be a holistic assessment, which assesses the cognitive, affective and psychomotor aspects in line with the Primary School Standard Curriculum (KSSR) and the

National Philosophy of Education (FPK). In achieving the goals of KSSR, teachers play an important role. So in the implementation of effective classroom assessment the attitude of the teacher is considered important as it helps to improve the learning of the students holistically. Therefore, this study aims to explore the attitudes of Malay language teachers in the implementation of classroom assessment. This study uses a qualitative approach. The sampling technique was intended to be used using a semi-structured interview method. A total of nine (9) teachers who teach Malay in primary schools in Manjung District, Perak were selected as study respondents. The interview protocol used in this study is based on Bloom's taxonomic theory ([Bloom, 1956](#)) (3 dimensions - cognitive, affective, behavioral) and the Kurt Lewin Model to explore the attitudes of Malay language teachers in the implementation of classroom assessment. The data obtained were analyzed manually and the findings were analyzed using thematic analysis. The results show that Malay language teachers have a positive attitude in the implementation of classroom assessment. The whole study emphasizes that a positive teacher attitude can produce capable students.

Sumbangan/Keaslian: Kajian ini dapat menyediakan maklumat mengenai sikap guru Bahasa Melayu dalam pelaksanaan pentaksiran bilik darjah. Hasil kajian ini dapat membantu pihak KPM, pihak pentadbir dan juga guru Bahasa Melayu dalam menambahbaik sikap mereka bagi memastikan kelancaran pelaksanaan pentaksiran bilik darjah.

1. Pengenalan

Pelaksanaan Kurikulum Standard Sekolah Rendah pada tahun 2018 telah meletakkan pentaksiran sebagai salah satu elemen penting dalam sistem pembelajaran murid ketika proses instruksional dikendalikan. Justeru itu, pentaksiran menjadi salah satu perkara penting dalam tugas guru sepanjang proses pembelajaran murid bagi mengukur tahap pengetahuan dan penguasaan pembelajaran. Menurut [Lane et al. \(2015\)](#), memegang dwi tugas sebagai pengajar dan pentaksir bukanlah mudah sebaliknya memerlukan pengetahuan, kefahaman dan sikap guru yang tinggi untuk melaksanakannya agar memberi impak dan kesan yang positif kepada murid-murid.

Pentaksiran berlaku setelah murid selesai mengikuti standard kandungan dan standard pembelajaran mengikut tema yang telah ditetapkan. Semuanya ini memerlukan sistem penyampaian yang berkesan dan penguasaan guru akan kandungan kurikulum dan perancangan aktiviti pembelajaran murid, agar mereka dapat mengikuti pembelajaran dan sepanjang proses tersebut. Pentaksiran bilik darjah dilaksanakan bagi mengesan kesan penggunaan stimulus, kaedah dan penyampaian yang dibuat oleh guru. Kepekaan guru akan keperluan murid, menyediakan bahan bantu yang membantu dan aktiviti yang berkesan akan menjadi penyokong kepada langkah pentaksiran yang hendak dilaksanakan.

Menurut [Jacob dan Parkinson \(2015\)](#), pentaksiran berlangsung sepanjang proses pembelajaran berlaku kerana bertujuan mengesan dan mengukur perkembangan

tingkah laku belajar murid. Pelaksanaan ini selari dengan konsep pendidikan holistik yang berhasrat membangun dan memperkembangkan potensi murid secara menyeluruh bukan hanya diuji dalam peperiksaan akhir seperti kelaziman sebelum ini. Perubahan ini memang sesuatu kejutan kepada guru-guru namun mereka perlu berubah dan menyesuaikan diri dengan perubahan ini. Guru-guru perlu yakin dan bersedia untuk berubah mengikut keperluan dalam sistem pendidikan (Norazilawati et al., 2015).

Pentaksiran bilik darjah menjadi salah satu alat pengukuran untuk mengukur prestasi murid setelah pemansuhan peperiksaan murid tahap satu (Tan & Husaina Banu, 2020). Keberhasilan sesuatu pembaharuan dalam sistem pendidikan bergantung kepada peranan dan faktor guru yang menjalankan pentaksiran. (Norazilawati et al., 2015). Oleh yang demikian kajian ini dilaksanakan untuk mengenalpasti pelaksanaan pentaksiran oleh guru Bahasa Melayu sekolah rendah dari aspek pengetahuan, kefahaman dan sikap guru dalam menjalankan pentaksiran.

1.1. Pernyataan Masalah

Perubahan kurikulum dalam sistem pendidikan menimbulkan pelbagai reaksi yang positif dan ada juga negatif di kalangan warga pendidik (Kalai, 2019). Transformasi kurikulum adalah untuk menambahbaik pembelajaran dari aspek kandungan, pentaksiran, pedagogi dengan hasrat Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM) 2013-2025. Ini adalah untuk mewujudkan murid yang berkebolehan, berilmu pengetahuan dan sebagainya (Tan & Husaina Banu, 2020). Bagi menjayakan hasrat kurikulum wujud pentaksiran bilik darjah bagi mengukur aspek kognitif, afektif, dan psikomotor sejajar dengan falsafah Pendidikan Kebangsaan (Tan & Husaina Banu, 2020).

Fahkri dan Mohd Isha (2016), mengatakan bahawa sistem pentaksiran bilik darjah ini boleh dianggap sebagai penghijrahan kepada satu penelitian para murid yang bersifat lebih menyeluruh, holistik dan adil. Walaupun begitu, walaupun rata-rata menerima dan memandang baik pelaksanaan sistem pentaksiran bilik darjah ini, tidak dinafikan bahawa masih terdapat beberapa isu permasalahan yang dialami oleh para pendidik dan murid-murid (Fahkri & Mohd Isha, 2016; Kalai, 2019). Kalai, 2020; Mahaya et al. (2019). Secara logiknya, sekiranya isu ini tidak ditangani dengan segera, ia akan memberi impak terhadap mutu sistem pengajian negara dalam jangka masa panjang.

Jadual 1 di bawah menunjukkan keputusan akhir tahun PBD murid-murid Tahun 1 hingga Tahun 6, Tahun 2020 dalam mata pelajaran Bahasa Melayu yang dikumpulkan daripada Sekolah Kebangsaan di daerah Manjung dimana penyelidik bertugas sebagai guru.

Jadual 1 : Keputusan PBD Bahasa Melayu akhir tahun pada tahun 2020

KELAS / TP	TP 1	TP 2	TP 3	TP 4	TP 5	TP 6
TAHUN 1		23.08%	40%	32.31%	4.62%	
TAHUN 2		14.55%	29.09%	43.64%	12.73%	
TAHUN 3			30.26%	53.95%	15.79%	
TAHUN 4			45.16%	11.29%	43.55%	
TAHUN 5	1.75%	43.86%	31.58%	22.81%		
TAHUN 6			16.13%	51.62%	27.42%	4.84%

Berdasarkan kepada [Jadual 1](#) menunjukkan tidak pencapaian yang cemerlang di kalangan murid Tahun 1 hingga Tahun 5 iaitu tahap penguasaan 6 (TP6) di sekolah berkenaan. Tahun 6 hanya 4.84% murid sahaja yang mencapai TP 6. Selain itu, ada juga TP 1 di kalangan murid Tahun 5. Ianya jelas menunjukkan bahawa masih ada juga kelemahan yang terdapat dalam PBD kerana masih lagi murid tidak boleh mencapai pencapaian yang optimum. Hal ini boleh terjadi kerana masalah daripada guru ataupun daripada murid. Jadi dalam kajian ini penyelidik berfokuskan kepada isu-isu guru terutamanya guru Bahasa Melayu dalam pelaksanaan pentaksiran bilik darjah.

Sebenarnya, para guru menerima baik pelaksanaan bilik darjah ([Fahkri Abdul & Mohd Isha, 2016](#); [Masfarizan & Mohammed Yusoff, 2020](#)). Meskipun begitu, sikap guru dalam melaksanakannya secara praktikal masih sedikit bermasalah. [Kalai \(2019\)](#), mendapati bahawa terdapat perbezaan dengan cara pendekatan guru terhadap sistem ini. Penulis melaporkan bahawa pendidik mengamalkan sikap tersendiri dalam melaksanakan pentaksiran bilik darjah. Hal yang sama turut dilaporkan oleh [Mahaya et al. \(2019\)](#). Bagaimanapun, [Mahaya et al. \(2019\)](#) merasakan bahawa sikap guru yang berbeza ini merupakan satu tanda bahawa tenaga pendidik di Malaysia mempunyai pengetahuan yang mencukupi dalam melaksanakan pentaksiran bilik darjah. Bagaimanapun, [Kalai \(2019\)](#), mengatakan sikap guru yang masih memilih untuk menggunakan penilaian ortodox akan mendatangkan masalah. Hal yang serupa turut dibincangkan oleh pengkaji dalam penulisan pada tahun seterusnya. Oleh kerana terdapat perbezaan pendapat bagi isu ini, kajian ini ingin meneroka sikap guru terutama sekali guru Bahasa Melayu terhadap pelaksanaan pentaksiran bilik darjah.

Selain dari itu juga, setelah meneliti beberapa literatur dan kajian yang berkaitan yang menulis mengenai bidang pentaksiran bilik darjah, tidak keterlaluan sekiranya dikatakan bahawa masih tidak banyak sumber pembacaan dan pengkajian yang terdapat dalam bidang ini. Hal ini juga telah dibincangkan oleh beberapa penulis sebelumnya ([Kalai, 2020](#); [Mahaya et al., 2019](#)). Meskipun topik ini merupakan sesuatu yang kerap dibincangkan dan menjadi tajuk hangat kajian semasa, perkara yang sama tidak boleh dikaitkan dengan keadaan semasa di Malaysia. [Mahaya et al. \(2019\)](#), mengatakan bahawa kajian yang dilakukan berkaitan dengan pentaksiran bilik darjah berlandaskan situasi di Malaysia masih tidak mencukupi. [Kalai \(2020\)](#) juga menyokong pandangan [Mahaya et al. \(2019\)](#). Malah, penulis juga menegaskan bahawa terdapat keperluan yang mendesak bagi lebih banyak kajian dilakukan secara berterusan dan mendalam terhadap pentaksiran bilik darjah ([Kalai, 2020](#)). Menurut [Kalai \(2020\)](#) juga, masih belum ada penyelidikan terdahulu yang meneliti kaedah guru sekolah rendah melaksanakan pentaksiran bilik darjah merangkumi aspek kurikulum, pengajaran dan pentaksiran ([Kalai, 2020](#)). Barangkali, oleh kerana pentaksiran bilik darjah baru sahaja diperkenalkan enam (6) tahun lalu, masih terdapat kurang pendedahan dan minat untuk mengkaji topik ini. Oleh yang demikian, kajian ini ingin mengkaji dengan lebih mendalam mengenai pentaksiran bilik darjah bagi menawarkan pemahaman lebih menyeluruh.

Kesimpulannya, terdapat beberapa permasalahan yang masih berkait rapat dengan pentaksiran bilik darjah yang memerlukan tindakan segera. Antaranya adalah kekurangan penulisan terkini, ketidakseragaman para guru, sikap tenaga pendidik serata Malaysia dalam melaksanakan sistem ini. Oleh yang sedemikian, kajian ini ingin meneliti mengenai isu permasalahan ini. Diharapkan ia dapat memberikan pemahaman lebih baik mengenai pentaksiran bilik darjah yang dijalankan bagi membantu menambah baik sistem pengajian khususnya bagi mata pelajaran Bahasa Melayu.

1.2. Objektif kajian

Kajian mengenai sikap guru Bahasa Melayu dalam pelaksanaan pentaksiran bilik darjah dengan menekankan objektif yang berikut:

- i. Meneroka sikap guru Bahasa Melayu dalam pelaksanaan pentaksiran bilik darjah.

2. Ulasan Kepustakaan

2.1. Pentaksiran Bilik Darjah

Pelaksanaan pentaksiran bilik darjah yang diperkenalkan adalah satu sistem yang amat berguna. Hal ini adalah kerana, sistem pengajaran dan pembelajaran itu bersandarkan keutamaan untuk menilai kebolehan dan prestasi murid (Fahkri & Mohd Isha, 2016). Pentaksiran bilik darjah turut menggambarkan sistem yang dianjurkan oleh Kementerian Pendidikan Malaysia untuk mereka satu kerangka pendidikan yang bersifat holistik, adil dan berdasarkan standard yang telah ditetapkan (Fahkri & Mohd Isha, 2016; Kalai, 2019; Kalai, 2020; Kementerian Pendidikan Malaysia, 2019). Pentaksiran bilik darjah bertujuan bagi mendapatkan pemahaman secara menyeluruh dan mendalam mengenai kemampuan dan prestasi para murid. Dalam erti kata lain, pentaksiran merupakan gambaran keseluruhan prestasi pembelajaran murid, yang mampu menilai segala aktiviti yang dijalankan olehnya sepanjang pengajaran dan pembelajaran (Siheh, 2017). Tujuan-tujuan lain pentaksiran adalah untuk memperoleh maklumat berterusan berkaitan pengajaran dan pembelajaran demi memperbaiki segala kelemahan yang didapati dalam sistem tersebut. Hal ini membolehkan pihak-pihak tertentu merancang aktiviti akademik dengan sistematik sekali gus mengatur pengajaran berdasarkan tahap kemampuan murid (Siheh, 2017).

Sistem pentaksiran bilik darjah mula diperkenalkan pada hujung tahun 2016 oleh Kementerian Pendidikan Malaysia (Fahkri & Mohd Isha, 2016; Kalai 2019; Kalai, 2020; Kementerian Pendidikan Malaysia, 2019). Namun begitu, apabila ia dilancarkan secara rasmi, proses pengenalan itu diklasifikasikan sebagai drastik dan mendadak (Kalai, 2020). Hal ini sedikit sebanyak menyumbang kepada ketidaksediaan dan ketidakseragaman para pendidik semasa menjalankan pentaksiran bilik darjah. Malah, hal ini juga disebutkan oleh Fahkri dan Mohd Isha (2016) dengan mengatakan bahawa para guru masih belum bersedia dan masih tidak mempunyai pengetahuan, kefahaman dan kemahiran yang mencukupi bagi melaksanakan pentaksiran bilik darjah meskipun mereka telah menjalani kursus khas. Sistem pentaksiran bilik darjah merangkumi penelitian terhadap para murid secara menyeluruh bagi setiap mata pelajaran di sekolah. Model ini menggunakan proses mengumpul dan menganalisis maklumat berkenaan dengan sesi pengajaran dan pembelajaran (Kementerian Pendidikan Malaysia, 2019). Sesudah itu, data yang dikumpulkan akan dianalisis secara mendalam. Kemudian, para pendidik akan melakukan sesi refleksi berdasarkan dapatan yang diperolehi bagi menambah baik sistem pengajaran dan pembelajaran secara berterusan (Kementerian Pendidikan Malaysia, 2019). Melalui kaedah ini, pihak sekolah akan dapat meneliti penguasaan murid terhadap Standard Pembelajaran yang ditetapkan oleh kokurikulum (Kementerian Pendidikan Malaysia, 2019). Bagaimanapun, seperti yang dinyatakan sebelumnya, pelaksanaan pentaksiran bilik darjah bukanlah kayu pengukur kejayaan dan prestasi murid (Fahkri & Mohd Isha, 2016; Kalai, 2019; Kalai, 2020; Kementerian Pendidikan Malaysia, 2019). Malah, ia lebih menekankan aspek refleksi untuk merancang tindakan susulan bagi menambah baik penguasaan dan pencapaian

murid dalam sesi pengajaran dan pembelajaran dalam jangka masa panjang (Fahkri & Mohd Isha, 2016; Kalai, 2019; Kalai, 2020; Kementerian Pendidikan Malaysia, 2019).

Bagi memastikan keberkesanan sistem ini, para pendidik memainkan peranan penting dengan memastikan pelaksanaan pentaksiran bilik darjah yang dijalankan bersesuaian dengan objektif pembelajaran berdasarkan Standard Pembelajaran yang hendak dikaji (Kementerian Pendidikan Malaysia, 2019). Selain itu juga, para guru haruslah mempunyai pengetahuan mendalam mengenai instrumen pentaksiran yang dipilih, melaksanakannya berdasarkan standard yang ditetapkan, merekod dan menganalisa hasil maklumat (Kementerian Pendidikan Malaysia, 2019). Sesudah itu, para guru haruslah melaporkan dan membuat tindakan susulan bagi memastikan penambahbaikan sistem pengajaran dan pembelajaran akan berlaku secara berterusan (Kementerian Pendidikan Malaysia, 2019).

Pelaksanaan pentaksiran bilik darjah merupakan satu kerangka model yang mempunyai pelbagai objektif. Tujuan pertama model ini dijalankan adalah bagi menilai kebolehan dan prestasi pelajar secara menyeluruh dan mendalam (Fahkri & Mohd Isha, 2016; Kalai, 2019; Kalai, 2020; Kementerian Pendidikan Malaysia, 2019). Oleh kerana pentaksiran bilik darjah mengaplikasikan pendekatan secara holistik, ia diharapkan dapat memberikan gambaran yang tepat mengenai sistem pendidikan negara. Selain itu juga, sistem ini bertujuan untuk membentuk dan membangunkan modal insan yang lebih cemerlang sejajar dengan matlamat Falsafah Pendidikan Kebangsaan (FPK) (Fahkri & Mohd Isha, 2016). Tambahan lagi, kerangka ini bertujuan untuk menilai aktiviti semasa, merancang serta memperbaiki sesi pengajaran dan pembelajaran secara berterusan (Fahkri & Mohd Isha, 2016). Dalam kata lain, sistem pentaksiran bilik darjah yang dilakukan berkisar kepada prestasi murid bagi memperbaiki sesi pengajaran dan pembelajaran sekolah.

2.2. Pentaksiran Bilik Darjah dan Keadaan Semasa

Sesi pengajian secara konvensional kini digantikan dengan kaedah yang lebih moden iaitu secara atas talian atau lebih dikenali sebagai e-pembelajaran. Ekoran pengisytiharan PKP dan pelaksanaan program pengajaran dan pembelajaran dari rumah, pentaksiran bilik darjah juga harus dilaksanakan secara atas talian juga. Bagaimanapun, Masfarizan dan Mohammed Yusoff (2020) serta Bernama (2021) menyatakan para guru menghadapi cabaran bagi melaksanakan pentaksiran bilik darjah secara atas talian. Meskipun begitu, hasil dapatan kajian yang dijalankan oleh Masfarizan dan Mohammed Yusoff (2020) menunjukkan bahawa pentaksiran bilik darjah sememangnya boleh dilakukan secara atas talian. Format yang digunakan tidak harus berubah hanya kerana medium pengantara bertukar. Malahan, dapatan kajian turut menunjukkan bahawa para guru menerima norma baharu ini dengan baik.

Meskipun begitu, tidak dinafikan bahawa terdapat kekangan yang sukar dielakkan apabila sesi pentaksiran bilik darjah dilakukan di rumah. Bagi menyelesaikan isu ini, Masfarizan dan Mohammed Yusoff (2020) mengemukakan beberapa aspek yang harus dititikberatkan seperti kemudahan internet yang lancar serta peralatan elektronik yang mencukupi. Tambahan lagi, para guru mestilah mempunyai sekurang-kurangnya kemahiran asas bagi menggunakan peralatan teknologi yang disediakan dan mengaplikasikan bahan yang bersesuaian. Natijahnya, meskipun pelaksanaan pentaksiran atas talian merupakan sesuatu yang mencabar, ia mampu dilakukan secara menyeluruh sekiranya para guru dan murid dapat membiasakan diri dengan norma

baharu ini. Oleh itu, para guru dan pelajar haruslah berganding bahu bagi memastikan sesi pembelajaran dan pengajaran serta pentaksiran bilik darjah dapat dilakukan secara efektif dan optimal.

2.3. Tujuan pentaksiran bilik darjah (PBD)

PBD dilaksanakan untuk mendapatkan gambaran tentang kemajuan pembelajaran murid secara individu di samping memberi maklum balas tentang pengajaran guru melalui PBD, di mana guru dapat mengesan pengetahuan sedia ada murid setiap kali pengajaran dan pembelajaran dijalankan. Guru-guru juga dapat merancang pengajaran mereka berdasarkan pengetahuan murid yang sedia ada bagi membantu guru-guru menilai dan mentaksirkan murid dengan lebih berkesan. Guru diberi autoriti dalam memperkembangkan kreativiti pengajaran mereka. Selain itu, guru turut bebas menyampaikan pengajaran mereka dengan menggunakan teknik yang pelbagai serta melaksanakan pentaksiran bergantung kepada kemampuan dan keupayaan murid-murid mereka.

Pentaksiran ini penting kerana ia boleh melihat prestasi murid secara menyeluruh selari dengan matlamat Falsafah Pendidikan Kebangsaan, dalam usaha membentuk dan membangunkan modal insan yang berkualiti ([Annaliza et al., 2020](#)). Setiap guru dapat mengetahui keberkesanan pengajaran dan pembelajaran mereka dan dapat meningkatkan serta mencapai objektif pembelajaran mereka. Guru mata pelajaran lebih mengenali tentang tahap kesediaan murid untuk belajar. PBD yang tepat boleh membantu guru mengubah atau memikirkan strategik yang sesuai dalam pengajaran dan pembelajaran. Selain itu guru juga dapat menyampaikan kurikulum secara lebih terperinci iaitu membina nilai-nilai ke arah pembentukan insan yang berguna dan seimbang dari segi intelek, rohani dan jasmani. Pengajaran seperti ini dapat membantu murid-murid menerima perubahan bentuk pembelajaran yang baharu pada masa akan datang.

Justeru itu, melalui PBD, para guru dapat mengesan perkembangan secara menyeluruh. Kenyataan ini disokong oleh kaedah pelaksanaan pengajaran di mana pembelajaran semasa waktu pengajaran dapat membantu murid secara langsung untuk mengetahui kelemahan mereka mengikut kemahiran yang ditaksir. Manakala pihak pengajar pula dapat melihat secara langsung tentang perkembangan pembelajaran murid masing-masing ([Arumugham, 2020](#)). Guru-guru dapat membimbing murid-murid mereka untuk membuat penambahbaikan secara berterusan melalui PBD berulang kali demi membantu pelajar meningkatkan tahap penguasaan mereka dalam tajuk yang dipilih ([Arumugham, 2020](#)). Bukan guru sahaja mendapat manfaat daripada PBD, tetapi juga para murid turut mendapat kebaikan daripada PBD ini. Murid-murid boleh dibantu dalam perkembangan diri, mencari kekuatan dan kelemahan mereka dalam pembelajaran untuk meningkatkan pencapaian akademik mereka ([Masfarizan dan Mohammed Yusoff \(2020\)](#)).

Secara keseluruhannya, PBD dapat membantu guru mengubah cara mereka menggunakan hasil penilaian, meningkatkan kualiti penilaian bilik darjah mereka, dan menyelaraskan penilaian mereka dengan tujuan pembelajaran yang berkualiti. Pentaksiran bilik darjah menjadi bahagian teras atau indikator utama dalam proses pengajaran, maka faedah penilaian untuk kedua-dua pelajar dan guru tidak akan terbatas.

2.4. Sikap guru dalam pelaksanaan pentaksiran bilik darjah

Sikap adalah kecenderungan untuk bertindak terhadap sesuatu yang disukai atau bertindak balas terhadap sesuatu yang tidak disukai (Eagly & Chaiken, 1993). Manakala menurut Fishbein dan Ajzen (1975) pula menyatakan sikap merupakan pusat kepada elemen kognitif dan juga struktur kognitif yang membentuk nilai kepercayaan boleh menjangkakan sikap individu. Menurut Ramlah et al. (2015) dalam kajiannya menyatakan sikap dapat didefinisikan sebagai reaksi atau perasaan positif atau negatif seseorang terhadap objek, situasi, organisasi, atau orang. Dalam kajian ini, sikap adalah merujuk kepada pembentukan sikap yang positif guru dimana hasil daripada pelaksanaan Pentaksiran bilik darjah. Ia dilihat dari aspek kognitif seperti pelaksanaan pentaksiran bilik darjah yang dapat membantu pembelajaran serta perkembangan murid, meningkatkan keberkesanan pengajaran. Dari aspek afektif pula merujuk kepada emosi guru terhadap aktiviti pelaksanaan pentaksiran bilik darjah dan aspek tingkah laku adalah seperti tingkah laku positif yang ditunjukkan oleh guru serta murid akibat daripada pelaksanaan pentaksiran bilik darjah seperti minat, etika penilaian dan sebagainya. Sekiranya para guru dapat menerima pelaksanaan pentaksiran bilik darjah yang dikemukakan secara positif, pastinya hasil prestasi murid turut akan meningkatkan ke tahap yang lebih memberangsangkan. Sejak bermulanya pandemik Covid-19 pada awal tahun 2020, pelbagai perubahan drastik terpaksa dilakukan oleh para pendidik bagi memastikan murid-murid tidak ketinggalan dalam pelajaran. Pentaksiran bilik darjah juga kini dilakukan secara atas talian.

Dapatan kajian (Isa & Aziz, 2017) menyatakan bahawa kesediaan guru, secara keseluruhannya, berada pada taraf sederhana dari segi sikap dalam pelaksanaan PBD secara efektif. Secara umum, guru-guru dalam kajiannya didapati bersedia dan mempunyai sikap positif terhadap pelaksanaan PBD berdasarkan konsep dan kaedah penilaian yang ditetapkan oleh Kementerian Pendidikan Malaysia (2019). Hal ini dapat menonjolkan ciri-ciri profesionalisme guru seperti tegas dan bermatlamat, tulen, jujur, berdedikasi dan berintegriti. Majoriti guru sanggup memberikan komitmen yang tinggi dalam profesion mengajar mereka. Walau bagaimanapun, terdapat segelintir individu pengajar yang mengatakan bahawa mereka masih memerlukan kursus demi meningkatkan kemahiran dalam pentaksiran dan penguasaan PBD. Hal ini demikian kerana para guru lebih berminat untuk menyertai aktiviti pendidikan yang dianjurkan oleh pihak atasan seperti Kementerian Pendidikan Malaysia, kerana kursus sebegini memang sesuai dengan keperluan pengajaran mereka (Isa & Aziz, 2017). Meskipun begitu, hasil penulisan yang diterbitkan oleh Sh Siti Hauzimah (2018) yang mengkaji mengenai tahap pengetahuan, kemahiran dan sikap guru-guru Bahasa Melayu dalam melaksanakan pentaksiran bilik darjah mendapati bahawa para guru mempunyai sikap yang tinggi. Penulis turut mengulas bahawa para guru bersedia untuk melaksanakan pentaksiran bilik darjah meskipun ianya merupakan sesuatu yang baru (Sh Siti Hauzimah, 2018). Meskipun begitu, Kalai (2019), menolak penyataan Sh Siti Hauzimah (2018) dengan mengatakan bahawa ketidakseragaman guru dalam melakukan pentaksiran bilik darjah masih wujud dalam sistem pendidikan Malaysia. Hal ini harus dititikberatkan bagi memastikan kualiti sistem pendidikan negara berada di tahap yang optimum.

Kalai (2019), turut mengulas bahawa segelintir para guru masih mengamalkan sikap dan pendekatan yang bersifat sendiri dalam melaksanakan pentaksiran bilik darjah. Bagaimanapun, terdapat juga sesetengah para pendidik yang menggunakan sistem pentaksiran bilik darjah sebagai kayu pengukur keberkesanan proses pembelajaran. Namun begitu, harus diketengahkan bahawa ketidakseragaman para guru dalam

melaksanakan proses pentaksiran bilik darjah ketika ini merupakan sesuatu yang dapat dianggap normal. Situasi yang demikian adalah kerana sebelum bermulanya pandemik Covid-19, para guru lebih menggemari sistem pembelajaran secara tradisional iaitu bersemuka (Bernama, 2021). Namun begitu, harus diingatkan bahawa pada ketika ini, pembelajaran atas talian merupakan salah satu talian hayat bagi memastikan proses pengajaran dan pembelajaran terus berjalan lancar tanpa sebarang masalah kepada para guru dan murid. Oleh yang demikian, para guru mestilah mempunyai sikap yang lebih terbuka dan perancangan yang teliti bagi menggantikan pentaksiran bilik darjah secara tradisional yang telah dilakukan tahun sebelumnya Abdul Halim dan Zuraini (2021). Tambahan lagi, pentaksiran bilik darjah secara atas talian juga selaras dengan kaedah pengajaran dan pembelajaran abad ke-21 yang menekankan elemen kolaborasi, kreativiti, komunikasi, pemikiran kritikal dan nilai (Abdul Halim dan Zuraini, 2021). Penulis turut mengulas bahawa kejayaan pentaksiran bilik darjah atas talian tidak hanya tergantung kepada sikap keterbukaan guru semata-mata (Abdul Halim & Zuraini, 2021). Malah, ibu bapa dan murid-murid juga harus memberikan kerjasama bagi melaksanakan aktiviti ini. Natiujahnya, sikap para guru terhadap pentaksiran bilik darjah bukanlah aspek tunggal yang harus dititikberatkan.

Kajian ini mengenal pasti sikap para guru Bahasa Melayu dalam pelaksanaan pentaksiran bilik darjah. Berdasarkan tinjauan literatur yang dilakukan, boleh dikatakan bahawa sikap guru dalam mentaksir, membimbing dan merekodkan prestasi murid akan memberi impak terhadap pelaksanaan pentaksiran bilik darjah.

3. Metod Kajian

3.1. Rekabentuk kajian

Penyelidik telah menggunakan penyelidikan kualitatif untuk menjalankan penyelidikan ini. Pemilihan pendekatan ini adalah berdasarkan matlamat penyelidikan iaitu untuk meneroka sikap guru dalam pelaksanaan PBD di kalangan guru-guru Bahasa Melayu sekolah rendah. Penyelidikan kualitatif membantu seseorang penyelidik untuk memahami serta mendalami perkara yang dikaji (Braun & Clarke, 2013). Justeru ia juga kaedah pengumpulan data yang lazim digunakan apabila meninjau sesuatu permasalahan sosial.

3.2. Sampel kajian

Sampel kajian yang terlibat biasanya tidak ramai dan juga tidak ada ketetapan yang khas bagaimana cara untuk menentukan saiz sampel yang bersesuaian dengan setiap kajian yang dijalankan (Merriam, 2009; Miles & Huberman, 1994). Ini adalah kerana, dalam pemilihan peserta kajian suatu penyelidikan kualitatif, perkara yang penting bukan terletak pada bilangan peserta yang ramai tetapi peserta yang dapat memberikan data mentah yang kaya dan mampu menjawab semua persoalan kajian sehinggalah data tersebut mencapai tahap tepu (Corbin & Strauss, 1990; Merriam, 2009). Oleh yang demikian, kajian ini hanya melibatkan sembilan (9) orang peserta kajian yang dipilih berdasarkan kepada kaedah persampelan bertujuan seperti yang dicadangkan oleh (Creswell, 2012). Dalam kajian ini iaitu peserta kajian dipilih dari guru yang mengajar mata pelajaran Bahasa Melayu sekolah rendah.

3.3. Instrumen kajian

Kajian ini menggunakan temu bual semi struktur sebagai instrumen kajian. Penyelidik memilih protokol temu bual bagi tujuan mendapatkan data dengan lebih mudah, tepat dan juga selamat. Protokol temu bual yang digunakan dalam kajian ini berasaskan Teori taksonomi Bloom (Bloom, 1956) (3 dimensi – kognitif, afektif, tingkah laku) dan Model Kurt Lewin untuk meneroka sikap guru Bahasa Melayu dalam pelaksanaan pentaksiran bilik darjah. Seramai sembilan (9) orang guru Bahasa Melayu dipilih untuk ditemu bual.

3.4. Kesahan dan kebolehpercayaan

Kesahan dan kebolehpercayaan merupakan dua elemen yang sangat penting dalam memastikan kajian ini sah dan dapatan kajian boleh dipercayai. Kesahan dan kebolehpercayaan terhadap kajian boleh ditingkatkan apabila peserta kajian mengesahkan teks transkripsi temubual (Bogdan & Biklen, 2003). Transkripsi yang telah siap diserahkan semula kepada peserta kajian untuk dibaca, dinilai dan disahkan dengan menurunkan tandatangan sebagai tanda bersetuju dengan transkrip tersebut. Kebolehpercayaan bertujuan mengetahui sama ada ukuran itu memberikan jawapan yang sama apabila ia digunakan untuk yang sama kepada populasi atau sampel yang berbeza (Liamputtong, 2014). Kebolehpercayaan data kualitatif dapat ditingkatkan menggunakan (a) orang yang berlainan, (b) masa yang berlainan dan (c) tempat-tempat yang berlainan (Liamputtong, 2014). Dalam kajian ini, kesembilan-sembilan peserta kajian dijustifikasikan pakar dalam bidang kajian. Penyelidik menjalankan kajian bersama mereka di sekolah masing-masing mengikut fleksibiliti masa yang dipersetujui bersama.

3.5. Prosedur pengumpulan data

Dalam kajian ini, penyelidik memilih protokol temu bual semi struktur untuk mengumpulkan data. Protokol temu bual terbahagi kepada dua bahagian utama yang terdiri daripada pemboleh ubah demografi seperti latar belakang responden. Bahagian protokol temu bual merangkumi tema sikap guru-guru Bahasa Melayu dalam pelaksanaan pentaksiran. Responden diberi yakin bahawa semua maklumat peribadi dan hasil temu bual akan dirahsiakan oleh penyelidik. Penjelasan yang jelas akan diberikan pada awal temu bual supaya responden tidak mempunyai kekeliruan semasa bersoal-jawab.

3.6. Prosedur penganalisan data

Data telah dikumpulkan melalui temu bual semi struktur. Semua temu bual telah dirakam dan ditranskripsikan. Hasil temu bual semi struktur dianalisis menggunakan analisis tematik. Analisis tematik digunakan kerana ia lebih mudah, fleksibel dan menjimatkan masa (Braun & Clarke, 2013). Tema telah dikenal pasti melalui kekerapan pengulangan frasa data temu bual. Analisis data kualitatif memerlukan penelitian yang mendalam kerana teks yang dinyatakan oleh setiap peserta mempunyai maksud yang tersendiri dan penyelidik haruslah mempunyai kemahiran yang mendalam untuk mengenal pasti serta mengkategorikan teks tersebut (Creswell & Clark, 2017). Penyelidik telah melakukan proses *member checking* iaitu setelah data ditranskripsikan transkrip temu bual diberikan semula kepada peserta untuk menyemak dan memastikan kesahan dan ketulenan setiap frasa yang diperkatakan. Data yang telah dianalisis telah dilaporkan berdasarkan tema yang telah dibentuk.

Kaedah yang digunakan dalam kajian ini dapat memberi kesan serta maklumat yang jelas kepada kumpulan kajian. Metodologi kajian yang dilaksanakan dapat membuktikan bahawa guru Bahasa Melayu memahami pelaksanaan pentaksiran dengan lebih baik lagi.

4. Dapatan Kajian

4.1. Sikap guru Bahasa Melayu dalam pelaksanaan pentaksiran

Sikap memainkan peranan yang penting dalam pentaksiran (Ramlah et al., 2015). Menurutnyanya sikap yang positif terhadap pentaksiran dapat mendorong guru untuk melaksanakan aktiviti-aktiviti pentaksiran dengan berkesan. Dalam kajian ini para peserta menyampaikan idea mereka bahawa pelaksanaan pentaksiran bilik darjah dan peningkatan pembelajaran murid adalah saling berkaitan dari aspek yang positif. Malah kesesuaian pelaksanaan pentaksiran bilik darjah dengan perkembangan murid juga disokong oleh semua peserta. Sebenarnya sikap yang tidak mahu menerima perubahan memberi kesan terhadap pelaksanaan transformasi sesuatu dasar (Annaliza et al., 2020).

4.1.1. Pelaksanaan pentaksiran bilik darjah dan peningkatan pembelajaran murid

Berdasarkan persoalan tentang pelaksanaan pentaksiran bilik darjah, 99% peserta kajian menyatakan bahawa pentaksiran bilik darjah dapat meningkatkan pembelajaran murid dari segi mengetahui maklum balas langsung daripada murid untuk sesi pengajaran dan pembelajaran. Selain itu, boleh mengulangi semula jika murid tidak faham. Hanya 1% sahaja menyatakan tidak begitu membantu.

Tidak begitu membantu kerana penilaian tahap dalam PBD hanya berdasarkan apa yang dilihat tanpa tekankan kepada kebolehan mereka yang sebenar. (Puan Hanis)

4.1.2. Kesesuaian pelaksanaan pentaksiran bilik darjah dengan perkembangan murid

Semua peserta kajian menyatakan pelaksanaan pentaksiran bilik darjah adalah sesuai dengan perkembangan murid tetapi hanya dua (2) sahaja iaitu Pn Radzi dan Puan Hanis menyatakan ianya kurang sesuai kerana tidak meliputi semua aspek.

Ia, dapat membantu..... Bersesuaian dengan penambahbaikan berterusan. (Encik Ali)

Ya membantu... Kerana guru dapat mengetahui secara langsung murid faham atau tidak faham pdp hari itu. (Puan Hafiz)

Ya kerana mengetahui perkembangan murid dengan lebih mendalam. (Puan Fauzi)

4.1.3. Pemahaman prestasi murid-murid

Bagi pemahaman guru-guru dalam prestasi murid-murid pula peserta kajian mengatakan mereka dapat mengenali dan juga boleh memahami prestasi murid-murid mereka. Manakala Puan Hanis pula mengatakan ia tidak membantu sepenuhnya. Ini

bermakna guru-guru lebih gemar dan minat dalam pelaksanaan pentaksiran berbanding dengan sistem peperiksaan.

Ya selepas melihat TP yang diperolehi oleh murid, guru boleh memikirkan teknik pengajaran lain yang bersesuaian mengikut TP murid, jadi tidak timbul lagi murid tidak menguasai pdpc guru. (Puan Lia)

Ya saya dapat memahami prestasi murid dengan lebih terperinci. (Cik Mala)

4.1.4. Keberkesanan pentaksiran bilik darjah dan profesionalisme guru

Peserta kajian menyatakan pentaksiran bilik darjah dapat meningkatkan keberkesanan pengajaran guru kerana guru boleh mengulangi pengajaran dan pembelajaran sehingga semua murid menguasai (Puan Lia), boleh merekabentuk dengan memberi fokus kepada hasil pembelajaran yang diinginkan (Cik Mala). Sama juga peserta lain tetapi hanya Puan Hanis sahaja menyatakan kurang berkesan.

Pentaksiran bilik darjah juga mampu meningkatkan keberkesanan dan juga tahap profesionalisme guru-guru Bahasa Melayu dalam kajian ini. Kebanyakan peserta kajian bersetuju dan juga menunjukkan sikap yang positif dalam kerjaya mereka. Ini menunjukkan pentaksiran bilik darjah ini telah diterima baik dan dijadikan menjadi satu amalan rutin mereka.

Backward Design yang digunakan dalam pelaksanaan PBD membantu meningkatkan keberkesanan pengajaran saya kerana saya memulakan proses mereka bentuk dengan memberi fokus kepada hasil pembelajaran yang diharapkan. Tumpuan yang diberikan kepada pentaksiran ini juga dapat memastikan pengajaran saya ke arah pencapaian matlamat sesuatu PdPC. (Cik Mala)

Ya. Saya dpt nilai murid dalam pelbagai sudut, bukan akademik sahaja. sahsiah juga dapat dinilai.....Saya perlu kuasai matapelajaran yang diajar. Juga perlu lebih kreatif dan mempelbagaikan teknik mengajar. (Puan Radzi)

Setiap peserta juga bersetuju dimana pentaksiran bilik darjah dapat meningkatkan profesionalisme keguruan mereka.

Guru lebih mengenal pasti kebolehan setiap orang murid dan menggunakan kaedah pelbagai untuk memastikan semua murid mendapat tahap penguasaan yang baik. (Puan Lia)

Penjaminan kualiti dan pertimbangan profesional yang sering kali dijalankan di sekolah berjaya meningkatkan tahap profesionalisme kerjaya saya. Saya menjadi lebih bertanggungjawab dan beretika ketika menentukan tahap penguasaan murid. (Cik Mala)

4.1.5. Beban pelaksanaan pentaksiran bilik darjah

Jika melihat kepada aspek beban pelaksanaan pentaksiran bilik darjah seramai empat (4) orang mengatakan ianya membebankan mereka. Manakala dua (2) orang pula mengatakan kadang-kadang membebankan tetapi tiga (3) orang pula menyatakan pelaksanaan pentaksiran bilik darjah ini tidak membebankan mereka. Sebenarnya ia melibatkan emosi iaitu penilaian seseorang terhadap sesuatu perkara. Hasil kajian ini selari dimana guru terbeban dengan tugas yang bukan melibatkan pengajaran dan pembelajaran (Fahkri & Mohd Isha, 2016). Justeru kajiannya juga menunjukkan guru mereka tidak dapat menghabiskan silibus kerana masa tidak mencukupi akibat beban kerja PBS.

Kadang-kadang sebab uji kefahaman murid secara keseluruhan. Jadi guru tak dapat nak pastikan murid betul-betul faham tak semua topik. Lagi guru perlu menyimpan rekod peningkatan prestasi setiap murid sepanjang tahun. Guru juga perlu buat pemerhatian dalam pelbagai aspek terhadap setiap murid..... jika murid ramai memang menyukarkan. (Puan Radzi)

Ya kerana penilaian terpaksa dilakukan secara berterusan serta murid yang ramai memang membebankan guru (Puan Hanis)

Ya, amat membebankan kerana perlu banyak eviden unruk keberhasilan murid. (Puan Asnah)

Ya. Setiap dapatan perlu didokumentasikan dengan kadar segera. Ini menuntut masa guru yang singkat yang sepatutnya digunakan untuk proses bimbingan yang menyeluruh kepada setiap murid yang berbeza tahap dan aras serta latarbelakang pendidikan asas mereka. (Puan Sitah)

Berdasarkan dapatan kebanyakan guru-guru Bahasa Melayu telah menyatakan pentaksiran bilik darjah bebankan mereka dari segi penilaian dan juga penyimpanan rekod prestasi murid-murid mereka.

4.1.6. Perasaan murid terhadap pelaksanaan pentaksiran bilik darjah

Seramai lapan (8) orang peserta kajian menyatakan muridnya seronok dan fokus dalam pembelajaran mereka manakala hanya seorang iaitu Puan Hanis pula menyatakan muridnya tidak berseronok kerana tiada budaya saing. Dapatan kajian menunjukkan murid seronok dan aktif untuk belajar. Sebenarnya pentaksiran bilik darjah yang dilaksanakan secara terancang dengan pengajaran yang kreatif secara tidak langsung pengajaran mereka lebih kreatif dan membuat murid lebih seronok untuk mengikuti kelas. Ini bermakna peserta kajian telah menjalankan pengajaran yang kreatif untuk menarik minat murid mereka.

4.1.7. Motivasi pentaksiran bilik darjah untuk guru

Sama juga seperti soalan-soalan sebelum ini, seramai lapan (8) orang peserta kajian menyatakan pentaksiran meningkatkan motivasi mereka. Contohnya pentaksiran ini mendorong guru untuk mendapatkan informasi mereka (Encik Ali), perlu cari bahan yang kreatif dan inovatif (Puan Asnah) dan sebagainya. Manakala hanya seorang iaitu Puan Hanis pula mengatakan kurang berkesan.

4.1.8. Pentaksiran bilik darjah dan usaha guru meningkatkan pengetahuan berkenaan ilmu pentaksiran

Para peserta kajian juga menyatakan pentaksiran bilik darjah juga mampu meningkatkan motivasi dan juga meningkatkan pengetahuan mereka. Ini bermakna guru-guru menunjukkan tingkahlaku yang positif untuk menjalankan pentaksiran bilik darjah. Setiap peserta kajian telah berusaha untuk meningkatkan pengetahuan berkenaan ilmu pentaksiran. Namun Puan Hanis kata kurang berkesan.

Ya..guru sentiasa cuba meningkatkan ilmu berkaitan pentaksiran supaya matlamat untuk kemenjadian murid tercapai. (Puan Hafi)

Tidak sepenuhnya tetapi stress.... (Puan Hanis)

4.1.9. Justifikasi keperluan kursus demi keyakinan dalam pelaksanaan pentaksiran bilik darjah

Jika melihat kepada kursus pula semua peserta kajian pernah menghadiri kursus berkaitan pentaksiran bilik darjah. Mereka juga minat untuk menghadiri kursus lagi untuk meningkatkan tahap profesionalisme mereka. Menurut [Lai dan Chong \(2018\)](#) guru yang mengikuti kursus mampu mengubahsuai teknik pentaksiran yang bersesuaian untuk meningkatkan profesionalisme mereka.

Ya. Cari ilmu sepanjang hayat kerana keperluan dan kehendak pendidikan semasa yang sentiasa berubah dan kehadiran. (Puan Sitah)

Ia, perkongsian dan penambakan secara langsung bersama rakan di lapangan. (Encik Ali)

Ya kerana melalui kursus-kursus ini dapat meningkatkan pengetahuan guru mengenai PBD. (Puan Fauzi)

Ya. Setiap tahun kita menerima murid yang berbeza. Oleh sebab itu, guru mesti bersedia dengan pelbagai kaedah dan teknik untuk melahirkan murid yang seimbang kebolehan mereka. (Puan Lia)

5. Perbincangan

5.1. Sikap guru dalam pelaksanaan pentaksiran bilik darjah

Kajian pentaksiran bilik darjah yang dijalankan di Malaysia dari tahun 2020 hingga 2021 mempunyai pelbagai tujuan. Walaupun mempunyai objektif yang berbeza, beberapa kajian melihat isu yang sama. Contohnya, [Dorin dan Yasin \(2019\)](#) cuba menilai sejauh mana kesediaan guru dalam melaksanakan pentaksiran bilik darjah. Semua kajian mendapati guru sudah bersedia kecuali [Yeh \(2021\)](#), yang mendapati guru belum bersedia untuk melaksanakan pentaksiran bilik darjah. Perbezaan ini menjelaskan mengapa tidak semua guru bersedia untuk melaksanakan pentaksiran bilik darjah, terutamanya guru yang mengajar mata pelajaran di luar kepakaran mereka. Menurut dapatan kajian yang dilakukan oleh [Lionad Lius dan Zamri \(2021\)](#) guru mengalami tekanan akibat kekurangan kesediaan mereka untuk melaksanakan pentaksiran bilik

darjah. Menurut kajian yang dijalankan oleh [Annaliza et al. \(2020\)](#), guru terus melaksanakan pentaksiran bilik darjah melalui peperiksaan. Selain itu, [Arumugham \(2020\)](#) dan [Lee \(2020\)](#) mendapati guru masih memerlukan bimbingan berkala bagi memastikan pentaksiran bilik darjah dilaksanakan mengikut konsep asal KPM. Guru juga harus sedar bahawa melaksanakan pentaksiran bilik darjah akan menjadi lebih berkesan sekiranya mereka merancang lebih awal sebelum memulakan proses pengajaran dan pembelajaran ([Hariatul Hafidzah et al., 2021](#)). Guru mesti memberi perhatian yang teliti terhadap perancangan kerana ia membolehkan mereka mengenal pasti keperluan pembelajaran murid, menjadikan pentaksiran bilik darjah lebih berkesan, dan memberi impak positif kepada prestasi murid ([Tan & Husaina Banu, 2020](#)). Dapatan ini menunjukkan bahawa kajian mengenai pelaksanaan pentaksiran bilik darjah di Malaysia yang dijalankan selama dua tahun telah meletihkan aspek pentaksiran bilik darjah yang pelbagai untuk memberikan pandangan holistik untuk amalan yang lebih baik.

Secara umumnya sikap guru terdiri daripada elemen pengetahuan guru mengenai reformasi tertentu, tindak balas peribadi terhadap perubahan dan juga tingkahlaku terhadap sesuatu perubahan. Pendek kata, tingkahlaku terhadap pelaksanaan pentaksiran bilik darjah boleh ditingkatkan dengan pemberian kursus dalam perkhidmatan. Guru-guru Bahasa Melayu lebih minat untuk menghadiri kursus bagi meningkatkan tahap profesionalisme mereka. Ini selari dengan kajian [Vhyshnavi dan Khairul \(2021\)](#) dimana kursus secara langsung akan meningkatkan kefahaman seta kepentingan perubahan difahami oleh para guru. Selain itu, berdasarkan dapatan kajian, jelas terbukti menunjukkan bahawa sikap yang positif guru terhadap pelaksanaan pentaksiran bilik darjah yang efektif. Dalam kurikulum boleh menarik minat untuk belajar. Dapatan kajian ini adalah selari dengan dapatan kajian [Sapira dan Mohd Hanafi \(2016\)](#), yang menyatakan bahawa pengetahuan yang tinggi dapat menghasilkan sikap yang positif. Manakala dalam kajian [Vhyshnavi dan Khairul \(2021\)](#) berdasarkan dimensi kognitif, afektif dan tingkah laku adalah pada tahap sederhana. Ini bermaksud kajian ini bercanggah pendapat dengan kajian beliau kerana secara keseluruhannya guru-guru Bahasa Melayu telah menunjukkan sikap yang tinggi dalam pelaksanaan pentaksiran bilik darjah.

5.2. Cadangan Kajian lanjutan

Kajian lanjutan perlu dilakukan supaya memperolehi dapatan yang lebih sah. Berikut ini dikemukakan beberapa cadangan yang boleh diberikan perhatian untuk melaksanakan kajian selanjutnya.

- i. Kajian masa depan boleh dijalankan dalam konteks yang lebih luas melibatkan guru sekolah rendah di seluruh Perak.
- ii. Penyelidikan berkaitan pentaksiran bilik darjah hendaklah mendapat sokongan dan komitmen penuh pentadbiran, di samping sokongan dalam kerja kursus dan seminar atau program yang berkaitan dengan pentaksiran bilik darjah. Sokongan yang diberikan diharapkan dapat meningkatkan profesionalisme guru dan mengurangkan beban tugas guru sebagai pentaksir sekolah, membolehkan penyelidikan berjaya dan berkesan.
- iii. Boleh juga menjalankan kajian ke atas mata pelajaran lain yang murid pelajari di sekolah, seperti sains, matematik, bahasa Inggeris, pendidikan Islam, dan lain-lain lagi.

Berdasarkan dapatan kajian ini, kajian lanjut diperlukan untuk memastikan pencapaian keseluruhan dapat digeneralisasikan kepada semua guru di Malaysia. Hal ini demikian kerana, penyelidikan yang telah dijalankan hanya dijalankan di sebuah sekolah sahaja dalam satu negeri. Oleh itu, sekiranya kajian ini diperluaskan ke seluruh Malaysia, pengkaji boleh mendapatkan pandangan yang mewakili semua guru, sekali gus menjamin kebolehpercayaan dan kesahan.

6. Kesimpulan

Bagi melaksanakan pentaksiran bilik darjah seseorang guru perlu dilengkapi dengan ilmu yang berkaitan dengan pentaksiran. Selain itu, sikap yang positif mampu mewujudkan kemenjadian murid. Guru juga berperanan penting untuk meningkatkan prestasi murid-murid mereka. Sikap guru yang positif mampu meningkatkan mutu pengajaran dan pembelajaran. Justeru kajian ini telah mengisi jurang berkenaan dengan pentaksiran bilik darjah yang masih belum diteroka secara meluas di Malaysia. Selain itu dapatan kajian ini juga menunjukkan dimensi kognitif, afektif dan tingkah laku berada pada tahap yang baik. Hal ini menunjukkan bahawa guru-guru Bahasa Melayu di Sekolah kebangsaan ini mempunyai kesediaan untuk menerima perubahan yang dijalankan di sekolah walaupun kemungkinan mereka tidak juga berasa seronok akibat beban kerja tambahan.

Penghargaan (*Acknowledgement*)

Terima kasih kepada peserta kajian dan pensyarah penyelia yang telah memberikan kerjasama dalam menjayakan kajian ini.

Kewangan (*Funding*)

Kajian dan penerbitan ini tidak menerima sebarang tajaan atau bantuan kewangan.

Konflik Kepentingan (*Conflict of Interests*)

Penulis tidak mempunyai konflik kepentingan dalam kajian dan penerbitan ini.

Rujukan

- Abdul Halim & Zuraini Marion. (2021). *Guru perlu kreatif taksir murid dalam norma baru*. BH Online. <https://www.bharian.com.my/rencana/komentar/2021/01/779528/guru-perlu-kreatif-taksir-murid-dalam-norma-baharu> pada 11 September 2021
- Anniliza Mohd Isa, Al-Amin Bin Mydin, Abdul Ghani Kanesan Bin Abdullah & Wan Fadhlurrahman W. Md. Rasidi. (2020). *Tranformasi Pendidikan Tahap 1: Peperiksaan ke Pentaksiran Bilik Darjah (PBD), Kesan Terhadap Autonomi Guru. Isu Dan Cabaran Dalam Pendidikan: Strategi Dan Inovasi, August, 218–231.*
- Bernamea. (2021). *Guru Malaysia tambah baik kemahiran Digital- Radzi Jidin*. Bh Online. <https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2021/05/817272/guru-malaysia-tambah-baik-kemahiran-digital-radzi-jidin> 12 September 2021
- Bloom, B.S. (1956). *Taxonomy of educational objectives: The classification of educational goals: Handbook I, cognitive domain*. New York: Longman

- Bogdan, R.C. & Biklen, S. K. (2003). *Qualitative research of education an introductive to theories and methods* (4th ed.). Boston: Allyn and Bacon
- Braun, V., & Clarke, V. (2013). *Successful qualitative research: A practical guide for beginners*. Sage Publications.
- Corbin, J., & Strauss, A. (1990). Grounded Theory Research: Procedures ,Canons , and Evaluative Criteria. *Qualitative Sociology*, 13(1), 3–21
- Creswell, J. W. (2012). *Educational Research (Planning, Conduction And Evaluating Quantitative And Qualitative Research)(4th Ed)*. Boston: Pearson.
- Creswell, J. W., & Clark, V. L. P. (2017). *Designing and conducting mixed methods research*. Sage Publications.
- Dorin, A. D., & Yasin, R. M. (2019). *Tahap kesediaan guru terhadap pelaksanaan pentaksiran bilik darjah (PBD)*. Persidangan Antarabangsa Pendidikan dan Kemajuan Masa Depan (ICOFEA) 2019, 8–15.
- Eagly, A. H., & Chaiken, S. (1993). *The psychology of attitudes*. Harcourt Brace Jovanovich College Publishers.
- Fahkri Abdul Khalil & Mohd Isha Awang. (2016). Isu kesediaan guru dalam amalan melaksanakan pentaksiran berasaskan sekolah. *EDUCATUM Journal of Social Science.*, 1–7.
- Fishbein, M., & Ajzen, I. (1975). *Belief, Attitude, Intention, and Behavior: An Introduction to Theory and Research*. Reading, MA: Addison-Wesley.
- Isa, Z. & Aziz, N. (2017). *Pembinaan Dan Penilaian Rancangan Pengajaran Harian (Rph) Berasaskan Lapan Prinsip Pembelajaran Berasaskan Projek (Pbl) Bagi Mata Pelajaran Kemahiran Hidup Bersepadu: Kajian Di Malaysia*. Proceedings of the ICECRS, 1(1).
- Jacob, R., & Parkinson, J. (2015). The potential for school-based interventions that target executive function to improve academic achievement: A review. *Review of Educational Research*, 85(4), 512-552.
- Kalai Selvan Arumugham. (2019). *Pentaksiran Bilik Darjah dan Kemenjadian Murid: Pengukuran Tahap Perkembangan Pembelajaran Murid dalam Mata Pelajaran Bahasa Melayu*. April, 0–13.
- Kalai Selvan Arumugham (2020). Kurikulum, Pengajaran Dan Pentaksiran Dari Perspektif Pelaksanaan Pentaksiran Bilik Darjah. *Asian People Journal (APJ)*, 3(1), 152–161. <https://doi.org/10.37231/apj.2020.3.1.175>
- Kementerian Pendidikan Malaysia. (2019). *Panduan Pelaksanaan Bilik Darjah Edisi Ke-2*. Kementerian Pendidikan Malaysia
- Hariatul Hafidzah Mahmad Khory, Mohd Nazri Abdul Rahman & Muhammad Azhar Zailaini (2021). Pengurusan pentaksiran bilik darjah mata pelajaran bahasa arab berasaskan keperluan pembelajaran murid. *Jurnal Kepimpinan Pendidikan*, 8(2), 41–57.
- Lai, C. S. & Chong, S. C. (2018). Tahap Kepuasan Guru Terhadap Pentaksiran Berasaskan Sekolah (PBS) Bagi Mata Pelajaran Kemahiran Hidup Bersepadu Di Sekolah Menengah Harian Biasa Di Sarawak. *Online Journal for TVET Practitioners*, 3(2). Retrieved from <https://publisher.uthm.edu.my/ojs/index.php/oj-tp/article/view/4844>
- Lane, K. L., Oakes, W. P., Powers, L., Diebold, T., Germer, K., Common, E. A., & Brunsting, N. (2015). Improving teachers' knowledge of functional assessment based interventions: Outcomes of a professional development series. *Education and Treatment of Children*, 38(1), 93-120

- Lee, H. Y. (2021). Cabaran yang dihadapi pendidikan seni visual dengan pentaksiran bilik darjah di sekolah rendah daerah Hilir Perak. *Jurnal Seni Dan Pendidikan Seni*, 9(1), 46–57.
- Liamputtong, P. (2014). *Kaedah Penyelidikan Kualitatif* (Haliza mohd Riji (ed.); edisi ketiga). Penerbit UPM.
- Lionad Lius & Zamri Mahamod. (2021). Tahap tekanan guru bahasa melayu di sekolah jenis kebangsaan cina terhadap pelaksanaan pentaksiran bilik darjah. *Jurnal Dunia Pendidikan*, 3(1), 361–373.
- Mahaya Salleh, Azizah Sarkowi, Mohd Fairuz Jaafar, Z. M. A. & H. A. H. (2019). Tahap Literasi Guru Terhadap Pendekatan Dalam Pentaksiran Bilik Darjah. *Journal of Chemical Information and Modeling*, 9, 1689–1699.
- Masfarizan, M., & Mohammad Yusof, M. N. (2020). *Kebolehlaksanaan Pentaksiran Bilik Darjah (PBD) secara atas talian sepanjang perintah kawalan pergerakan (PKP) di daerah Sentul, Kuala Lumpur*. Prosiding Seminar Nasional FIP 2020, 213–218. <https://fip.unesa.ac.id/fip-ppti/public/proceeding/index.php/webinar2020/article/view/86>
- Merriam, S. B. (2009). *Qualitative Research A Guide to Design and Implementation (2nd Ed)*. San Francisco: Jossey-Bass.
- Miles, M. B., & Huberman, A. M. (1994). *An Expanded Sourcebook Qualitative Data Analysis (2nd Ed)*. Sage Publications, Inc.
- Norazilawati Abdullah, Noraini Mohamed Noh, Rosnidar Mansor, Abdul Talib Mohamed Hashim, Wong, K. T. (2015). Penilaian pelaksanaan Pentaksiran Berasaskan Sekolah (PBS) dalam kalangan Guru Sains. *Jurnal Pendidikan Sains Dan Matematik Malaysia*, 5(1), 89-102. Retrieved from <https://ejournal.upsi.edu.my/index.php/JPSMM/article/view/2145>
- Ramlah Ab Khalid, Jamil Ahmad, & Analisa Hamdan. (2015). Pembentukan Sikap Positif Guru Terhadap Pelaksanaan Aktiviti Pentaksiran. *Journal of Personalized Learning*, 1(1), 77–84.
- Sapira Samat & Mohd Hanafi Mohd Yasin. (2016). *Pengetahuan dan Sikap Guru Pendidikan Khas Menerapkan Kreativiti dan Inovasi dalam Kurikulum Standard Sekolah Rendah Pendidikan Khas (KSSRPK). Pengetahuan dan Sikap Guru Pendidikan Khas Menerapkan Kreativiti*. May, 137–146.
- Sh Siti Hauzimah Wan Omar. (2019). Pengetahuan, Kemahiran, Sikap Dan Masalah Guru Dalam Melaksanakan Pentaksiran Bilik Darjah Bahasa Melayu Di Sekolah Rendah. *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu – JPBM (Malay Language Education Journal – MyLEJ)*, 9(Mei), 56–67.
- Sihes, A. (2017). Konsep Pembelajaran. *Core.ac.uk*. Available at: <https://core.ac.uk/download/11785735.pdf> [Accessed 24 July 2021].
- Tan, J. Y. & Husaina Banu Kenayathulla. (2020). Pentaksiran Bilik Darjah Dan Prestasi Murid Sekolah Jenis Kebangsaan Cina Di Hulu Langat, Selangor. *Jurnal Kepimpinan Pendidikan*, 1(Julai), 70–90. http://umrefjournal.um.edu.my/filebank/published_article/6255/Template 4.pdf
- Vhyshnavi Kanafadzi & Khairul Azhar Jamaludin. (2021). Tahap Kesediaan Dan Sikap guru terhadap perubahan yang berlaku dalam sistem pendidikan: kajian sistematik terhadap artikel-artikel yang terpilih. *Jurnal Dunia Pendidikan*, 3(3), 461-475.